

Bakal Timbalan Perdana Menteri

CUMA ada dua cara untuk mencari seorang Timbalan Perdana Menteri bagi mengisi kekosongan yang bakal terjadi apabila Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara daripada Dr. Mahathir Mohamad nanti.

Cara pertama ialah Abdullah terus melantik timbalannya sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri. Cara kedua ialah dengan menunggu perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO memilih Timbalan Presiden mereka.

Cara pertama kelihatan lebih mudah. Ia juga boleh mengelak perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan parti nanti.

Pun begitu, tiada jaminan orang yang Abdullah lantik sebagai timbalannya tidak akan ditentang.

Dalam hubungan ini, Awang berpendapat lebih elok jika Abdullah melantik timbalannya dan kemudian berusaha mendapatkan sokongan perwakilan UMNO pada pemilihan parti nanti.

Ertinya, pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden hendaklah dielakkan. Ertinya juga, semua yang terlibat perlu mencari formula supaya tidak berlaku pertandingan.

Jika senario yang wujud hari ini menjadi pertimbangan, cuma terdapat dua calon sahaja - Najib Tun Razak dan Muhyiddin Yassin. Keduanya Naib Presiden. Najib menduduki tempat pertama manakala Muhyiddin di tempat ketiga.

Tempat kedua diduduki oleh Muhammad Muhd. Taib, bekas Menteri Besar Selangor yang kini bukan seorang anggota Parlimen dan tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan.

Siapa yang hendak dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri adalah hak mutlak orang yang menjadi Perdana Menteri ketika itu. Namun begitu, terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi orang yang membuat keputusan.

Sebagai contoh, apabila Allahyarham Tun Hussein Onn melantik Dr. Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau dipengaruhi oleh hasrat Allahyarham Tun Razak untuk melihat Dr. Mahathir dilantik ke jawatan itu.

Tun Hussein diketahui cenderung kepada calon lain, tetapi Allahyarham mengambil kira hasrat Tun Razak. Memang terdapat tentangan, tapi akhirnya mereka yang tidak terpilih (Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Ghafar Baba) menyokong pilihan Tun Hussein.

Masa telah pun membuktikan kebijaksanaan Tun Razak dalam hal ini. Semuanya sudah menjadi sejarah, tapi nampaknya sejarah akan berulang. Awang bertanya-tanya kenapa Perdana

Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, pada 3 Julai lalu dalam pertemuan dengan UMNO Kubang Pasu (bahagian beliau) menyebut tentang kemungkinan Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Kata beliau: "Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapat jawatan itu."

Kenapa Dr. Mahathir menyebutnya - apakah beliau sekadar memberi contoh tentang kesabaran atau beliau terlepas apa yang sepatutnya disimpan di dalam hati dan dibisikkan kepada

elok dinamakan sekarang

Muhyiddin bersedia menerima Najib sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri dengan harapan tidak berlaku perebutan dalam parti.

Dan mungkin juga kerana beliau tidak mahu kestabilan dalam UMNO menjadi kacau-bilau semula andainya ada 'orang luar' yang menyimpan hasrat untuk merebut jawatan Timbalan Presiden atau Presiden, selepas beliau berundur. Kemungkinan ini tidak dapat kita tolak kerana ia pernah berlaku dalam UMNO dan boleh berlaku lagi.

Tidak kira apa tujuan Dr. Mahathir, hasrat beliau itu kini sudah menjadi pengetahuan umum dan telah memulakan analisis politik yang akan berterusan, mungkin bagi 16 bulan akan datang.

Pun begitu, 16 bulan adalah satu tempoh yang lama dalam politik, macam-macam boleh berlaku. Sungguhpun namanya yang disebut, Awang percaya ia kini menjadi satu beban kepada Najib – beban calon *favourite*.

Beliau akan menjadi sasaran musuh-musuh politiknya di dalam dan di luar parti. Andainya, dengan ketentuan Tuhan, Najib dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan, di mana duduknya calon yang seorang lagi, Muhyiddin Yassin?

Pada 3 Julai, Abdullah ada membuat kenyataan bahawa UMNO mempunyai formula kerjasama dalam menentukan soal jawatan Timbalan Presiden bagi mengelak perpecahan akibat perebutan kuasa.

Jika demikian, Awang harap tidak berlaku keadaan *zero sum game* di mana yang menang, menang semua dan yang kalah, kalah semua. Keadaan ini pernah berlaku dan akibatnya amat merugikan.

Mereka yang kalah terus terkeluar daripada arus perdana politik dan tidak mempunyai peranan dalam parti dan kerajaan.

Orang Melayu tidak mempunyai ramai pemimpin. Mereka tidak mampu kehilangan sesiapa.

Menjadi tanggungjawab Abdullah memastikan semua yang boleh memberi sumbangan diberi tempat dan tidak disisihkan. Awang tidak tahu kandungan formula yang Abdullah sebutkan itu, tapi yakin beliau akan mengamalkan politik menerima semua dan bukan politik cantas.

Mengambil kira perkembangan terbaru, mungkin ada baiknya orang yang bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan juga dinamakan secara rasmi sekarang sebagaimana bakal Perdana Menteri dinamakan.

Abdullah sahaja?

Atau, apakah beliau, sebagai seorang mahaguru politik yang masih tajam dan tangkas, mempunyai motif tertentu berbuat demikian? Apakah beliau sememangnya mahu hasratnya diketahui umum? Atau, mungkinkah beliau hendak menguji sesuatu?

Mungkin kita akan tahu pada hari-hari akan datang. Mungkin kita tidak akan tahu sampai ke bila-bila. Bahawa apa yang disebutkan itu datang daripada mulut seorang Perdana Menteri yang mempunyai reputasi sebagai seorang strategis bijak, membawa makna yang besar.

Mungkin beliau sengaja mahu hasratnya itu diketahui umum supaya ahli-ahli UMNO dan